

**Kelestarian etika dan peradaban melalui pengenalan kursus etika dan peradaban
(pep) uw00802 di Universiti Malaysia Sabah**

ABSTRAK

Etika dan peradaban di Malaysia telah terbentuk sejak zaman pra kolonial, kolonial dan pasca kolonial sehingga persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 dan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 yang memberikan variasi warna kepada masyarakat Malaysia. Etika dan peradaban yang terbentuk di Malaysia sangat unik kerana teradun dengan latang belakang peradaban agung dunia yang terdiri dariapda peradaban Melayu sendiri, tamadun Cina, tamadun India, tamadun arab dan tamadun Eropah. Interaksi antara tamadun agung ini telah melahirkan satu bentuk etika dan peradaban baru yang menjadi etos kepada budaya Malaysia. Etos ini telah dinikmati dan dijalani oleh segenap rakyat Malaysia sehingga mencapai tahap keharmonian yang diimpikan dan dinikmati hingga kini. Namun cabaran Malaysia baru yang telah melonggarkan ikatan-ikatan yang telah dibina ditambah dengan perkembangan teknologi dan kebebasan bersuara yang telah memberikan ancaman kepada kelestarian yang dinikmati hari ini. Cabaran yang dihadapi adalah suatu perkara yang perlu dianggap positif dalam kontek bernegara, namun setiap individu perlu mempunyai ilmu pengelahan serta penghayatan terhadap etika dan peradaban yang dimiliki agar dapat membuat penilaian secara jernih terhadap segala sesuatu mehnah dan tribulasi yang dihadapi. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk menilai peranan Kursus UW00802 (Penghayatan etika dna peradaban) dalam melestarikan keamanan dan keharmonian yang dikecapi hari ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan teknik pengumpulan data melalui soal pemerhatian semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung selama 14 minggu dengan jumlah pelajar seramai 340 orang. Kajian ini dapat menentukan tahap kesepadan Malaysia dan menjadi panduan kepada kelestarian keamanan dan keharmonian rakyat Malaysia ke arah semua negara Bangsa.